

04 JUL 1999

PAS CUBA HILANGKAN KEPERCAYAAN RAKYAT PADA UMNO

KOTA BAHARU, 4 Julai (Bernama) -- PAS cuba menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap Umno dengan memberi gambaran kononnya terdapat unsur kafir dalam Umno, kata Ketua Penerangan Umno Kelantan Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir.

Beliau berkata dakwaan Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa wujud unsur kafir dalam Umno jelas menggambarkan niatnya untuk mengatakan Umno kafir.

Zainal yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan Nik Aziz bahawa terdapat unsur kafir dalam Umno kerana parti itu menolak Islam dalam pentadbiran negara.

Beliau berkata tidak wajar sekiranya Nik Aziz cuba untuk menggambarkan bahawa Umno kafir kerana tuduhan seperti itu hanyalah dilakukan oleh pelampau-pelampau PAS sebagaimana yang pernah dinyatakannya sebelum ini.

"Dulu dia (Nik Aziz) kata pemimpin PAS tidak pernah menuduh Umno kafir sebaliknya dilakukan oleh pelampau-pelampau PAS, kalaulah begitu, ini menunjukkan dia tidak tetap pendirian," katanya.

Mengenai langkah Prof Datuk Shahnnon Ahmad memohon maaf kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung novel SHIT karangan sasterawan negara itu, Zainal Abidin berkata : "Alhamdulillah Shahnnon telah sedar kesilapannya. Dalam Islam kita jangan malu untuk mengaku kesilapan, dan kita kena segera bertaubat dan minta maaf di atas kesilapan itu."

--BERNAMA

BD